

Headline	Pokok Mengkudu tinggi nilainya		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Oct 2022	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	23	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	922 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,592
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 25,776



BUAH mengkudu mempunyai biji yang banyak dan mudah ditanam.

Pokok Mengkudu tinggi nilainya



Di negara ini, pokok Mengkudu atau nama saintifiknya *Morinda Citrifolia* boleh ditemui di mana-mana. Mungkin disebabkan ia mudah tumbuh dan cuaca tropika memang sesuai untuk pertumbuhannya, maka tumbuhan ini boleh bertapak di mana sahaja bijinya jatuh. Meskipun mudah ditemui, namun hanya segelintir yang tahu khasiatnya sahaja yang akan memberi perhatian kepada pokok dan buah mengkudu. Dari segi rasa, buah

ini memang tidak begitu enak, selain mempunyai bau yang juga kurang menyenangkan serta banyak biji.

Namun selepas khasiat mengkudu didedahkan secara meluas, mengkudu mula mendapat perhatian dan di seluruh dunia, buahnya mula dikomersialkan sebagai makanan dan minuman kesihatan.

Justeru buahnya boleh ditemui dijual di pasar-pasar, manakala minuman kesihatan pelbagai jenama dijual secara meluas di mana-mana.

Dalam kalangan suri rumah tempatan pula, mengkudu memang banyak kegunaannya, terutama untuk menyedapkan masakan mereka.

Daunnya biasa digunakan untuk membungkus makanan bagi menyediakan botok ikan atau daun mudanya dijadikan ulam-ulaman, manakala buah mengkudu juga digunakan sebagai penyedap hidangan tertentu.

Justeru ramai yang sudah mula menanam mengkudu di halaman rumah bagi memudahkan mereka untuk mendapatkan buah atau daunnya.

Cara menanamnya juga mudah, cukup dengan hanya menggunakan biji dari buah yang sudah matang.

Menariknya, dalam tempoh

selepas enam bulan ditanam, pokok mengkudu sudah mengeluarkan buah meskipun tanpa jagaan rapi.

Selain tahan lasak, pokok mengkudu boleh berbuah sepanjang tahun dan terus produktif sehingga 10 tahun lamanya atau lebih daripada itu.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pernah melakukan penyelidikan terhadap khasiat buah mengkudu dan hasilnya memberi perspektif baharu untuk tanaman ini.

Antara hasil kajian tersebut adalah mengkudu adalah boleh menurunkan kadar gula di dalam darah dan melindungi organ seperti hati.

Di peringkat antarabangsa pula, pelbagai penyelidikan juga membuktikan betapa berkhasiatnya buah mengkudu sehingga tanaman ini mula dieksplotasi sebagai jus dan suplemen kesihatan.

Dikatakan bahawa buah dan pokok mengkudu telah digunakan sebagai ubat tradisional sejak ribuan tahun dahulu oleh masyarakat dunia bagi menangani gejala-gejala seperti selesema, diabetes, kemurungan, tekanan darah tinggi, jangkitan bakteria, ceret-beret, penyakit mata, batuk, asma, luka-luka, patah tulang, mengandungi anti oksida yang tinggi dan banyak lagi.



POKOK mengkudu tahan lasak dan boleh berbuah sehingga 10 tahun lamanya.

